

**ANALISIS ETNOGRAFI KOMUNIKASI, HUBUNGAN KEKERABATAN
DAN DOMAIN PENGGUNAAN BAHASA JAKUN**

Oleh

MOHAMAD ROZI BIN KASIM

**Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

FEBRUARI 2016

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya pengkaji dapat menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis ini, Profesor Dr. Noriah Mohamed di atas usaha beliau membantu, memberi pengetahuan, dorongan, tunjuk ajar dan nasihat dengan penuh kesabaran sepanjang pengkaji menghasilkan tesis ini.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada semua pensyarah Bahagian Bahasa Malaysia, Terjemahan dengan Interpretasi (BMBATI), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang telah mencurahkan ilmu pengetahuan kepada pengkaji sepanjang menimba ilmu di Universiti Sains Malaysia.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ibu, Ramlah binti Saidin yang sentiasa memberi sokongan, semangat, dan mendoakan kejayaan pengkaji. Terima kasih juga diucapkan kepada abang Mohamad Ridzuan bin Kasim, paksu Abdul Halim bin Saidin, dan semua ahli keluarga yang sentiasa membantu dan memberi sokongan kepada pengkaji sepanjang tempoh pengajian pengkaji di Universiti Sains Malaysia. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada kawan baik pengkaji Fazreena binti Randeran yang sentiasa membantu dan memberi sokongan kepada pengkaji sepanjang kajian ini dijalankan.

Sekalung ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Loo Main Chea yang membantu pengkaji semasa pengkaji melakukan kajian lapangan. Akhir sekali, ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada informan-informan Orang Asli Jakun yang memberi sokongan dan bantuan semasa kajian lapangan.

Mohamad Rozi bin Kasim
Februari 2016

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	iii
SENARAI GAMBAR DAN JADUAL	vi
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Pernyataan Masalah	2
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Batasan Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Metodologi Kajian	6
1.7 Kerangka Teoretis	12
1.7.1 Kerangka Teoretis Etnografi Komunikasi	12
1.7.2 Kerangka Teoretis Leksikostatistik	12
1.7.3 Kerangka Teoretis Domain	15
1.8 Tinjauan Literatur	20
BAB 2: ETNOGRAFI KOMUNIKASI ORANG ASLI JAKUN	28
2.0 Pendahuluan	28
2.1 Etnografi Orang Asli Jakun	28
2.1.1 Latar Belakang dan Peristiwa	29
2.1.2 Pemeran atau Peserta	43

2.1.3	Matlamat atau Tujuan Berkomunikasi	50
2.1.4	Aksi atau Perilaku Komunikasi	53
2.1.5	Nada	55
2.1.6	Saluran Komunikasi	56
2.1.7	Norma dan Interaksi	57
2.1.8	Genre	59
2.2	Rumusan	62
BAB 3: HUBUNGAN KEKERABATAN BAHASA JAKUN DENGAN BAHASA MELAYU		63
3.0	Pendahuluan	63
3.1	Bahasa dan Hubungan Kekerabatan	63
3.2	Kaedah Perbandingan Kosa Kata Dasar	64
3.3	Tingkat Kekerabatan Bahasa Jakun dengan Bahasa Melayu	74
3.4	Rumusan	75
BAB 4: PENGGUNAAN BAHASA JAKUN DALAM DOMAIN PENGGUNAAN BAHASA TERPILIH KOMUNITI JAKUN		77
4.0	Pendahuluan	77
4.1	Reka Bentuk Kajian	77
4.2	Responden Kajian	79
4.3	Instrumen Kajian	79
4.4	Tatacara Kajian	80
4.5	Domain Kajian	82
4.6	Analisis Domain Penggunaan Bahasa Jakun	86
4.7	Rumusan	127
BAB 5: RUMUSAN		129
5.0	Pendahuluan	129

5.1	Rumusan	129
5.2	Cadangan	130
BIBLIOGRAFI		132
LAMPIRAN		135

Chapter 1	Introduction	1
Chapter 2	Background	2
Chapter 3	Methodology	3
Chapter 4	Results and Discussion	4
Chapter 5	Conclusion	5
Chapter 6	References	6
Chapter 7	Appendix	7
Chapter 8	Bibliography	8
Chapter 9	Appendix	9
Chapter 10	References	10
Chapter 11	Appendix	11
Chapter 12	Bibliography	12
Chapter 13	Appendix	13
Chapter 14	References	14
Chapter 15	Appendix	15
Chapter 16	Bibliography	16
Chapter 17	Appendix	17
Chapter 18	References	18
Chapter 19	Appendix	19
Chapter 20	Bibliography	20
Chapter 21	Appendix	21
Chapter 22	References	22
Chapter 23	Appendix	23
Chapter 24	Bibliography	24
Chapter 25	Appendix	25
Chapter 26	References	26
Chapter 27	Appendix	27
Chapter 28	Bibliography	28
Chapter 29	Appendix	29
Chapter 30	References	30
Chapter 31	Appendix	31
Chapter 32	Bibliography	32
Chapter 33	Appendix	33
Chapter 34	References	34
Chapter 35	Appendix	35
Chapter 36	Bibliography	36
Chapter 37	Appendix	37
Chapter 38	References	38
Chapter 39	Appendix	39
Chapter 40	Bibliography	40
Chapter 41	Appendix	41
Chapter 42	References	42
Chapter 43	Appendix	43
Chapter 44	Bibliography	44
Chapter 45	Appendix	45
Chapter 46	References	46
Chapter 47	Appendix	47
Chapter 48	Bibliography	48
Chapter 49	Appendix	49
Chapter 50	References	50
Chapter 51	Appendix	51
Chapter 52	Bibliography	52
Chapter 53	Appendix	53
Chapter 54	References	54
Chapter 55	Appendix	55
Chapter 56	Bibliography	56
Chapter 57	Appendix	57
Chapter 58	References	58
Chapter 59	Appendix	59
Chapter 60	Bibliography	60
Chapter 61	Appendix	61
Chapter 62	References	62
Chapter 63	Appendix	63
Chapter 64	Bibliography	64
Chapter 65	Appendix	65
Chapter 66	References	66
Chapter 67	Appendix	67
Chapter 68	Bibliography	68
Chapter 69	Appendix	69
Chapter 70	References	70
Chapter 71	Appendix	71
Chapter 72	Bibliography	72
Chapter 73	Appendix	73
Chapter 74	References	74
Chapter 75	Appendix	75
Chapter 76	Bibliography	76
Chapter 77	Appendix	77
Chapter 78	References	78
Chapter 79	Appendix	79
Chapter 80	Bibliography	80
Chapter 81	Appendix	81
Chapter 82	References	82
Chapter 83	Appendix	83
Chapter 84	Bibliography	84
Chapter 85	Appendix	85
Chapter 86	References	86
Chapter 87	Appendix	87
Chapter 88	Bibliography	88
Chapter 89	Appendix	89
Chapter 90	References	90
Chapter 91	Appendix	91
Chapter 92	Bibliography	92
Chapter 93	Appendix	93
Chapter 94	References	94
Chapter 95	Appendix	95
Chapter 96	Bibliography	96
Chapter 97	Appendix	97
Chapter 98	References	98
Chapter 99	Appendix	99
Chapter 100	Bibliography	100

SENARAI GAMBAR DAN JADUAL

GAMBAR

Gambar 1	: Sekolah Menengah Kebangsaan Kahang Batu 23	31
Gambar 2	: Sekolah Kebangsaan Kahang Batu 28	31
Gambar 3	: Klinik Kesihatan Kahang	32
Gambar 4	: Surau Kampung Punjut	33
Gambar 5	: Pondok Orang Asli Jakun menjual hasil hutan	34
Gambar 6	: Rumah Orang Asli Jakun	35
Gambar 7	: Rumah Orang Asli Jakun	35
Gambar 8	: Hutan di Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan	36
Gambar 9	: Orang Asli Jakun beriadah di sungai	36
Gambar 10	: Kanak-kanak Orang Asli Jakun mandi sungai	37
Gambar 11	: Murid Orang Asli Jakun yang boleh bertutur bahasa Cina	39
Gambar 12	: Tarian tradisional Orang Asli Jakun	60
Gambar 13	: Program motivasi murid-murid Orang Asli Jakun	61
Gambar 14	: Ceramah daripada pihak JAKOA	62

JADUAL

Jadual 1.0	: Senarai 200 kosa kata dasar bahasa Melayu	13
Jadual 1.1	: Jadual tingkat kekerabatan bahasa	15
Jadual 2.1	: Perbezaan dialek bahasa Jakun 1 dan dialek bahasa Jakun 2	45

Jadual 2.2	: Pemilihan bahasa yang digunakan oleh peserta	49
Jadual 2.3	: Lirik lagu ‘Kekah ketawa’	51
Jadual 3.1	: Daftar kosa kata dasar bahasa Jakun	65
Jadual 3.2	: Perbandingan bahasa Jakun dengan bahasa Melayu	68
Jadual 3.3	: Tingkat kekerabatan bahasa	75
Jadual 4.1	: Pengekoden kategori jantina	77
Jadual 4.2	: Pengekoden kategori penggunaan bahasa Jakun	77
Jadual 4.3	: Taburan responden kajian	78
Jadual 4.4	: Taburan domain	79
Jadual 4.5	: Taburan umur responden	81
Jadual 4.6	: Taburan jantina responden	82
Jadual 4.7	: Taburan status perkahwinan responden	83
Jadual 4.8	: Taburan status pendidikan responden	83
Jadual 4.9	: Taburan status pekerjaan responden	84
Jadual 4.10	: Bercakap dengan ibu bapa	86
Jadual 4.11	: Bercakap dengan datuk dan nenek	87
Jadual 4.12	: Bercakap dengan anak-anak	88
Jadual 4.13	: Bercakap dengan saudara-mara	89
Jadual 4.14	: Bercakap dengan adik-beradik	91
Jadual 4.15	: Bercakap dengan menantu atau mentua	92
Jadual 4.16	: Bercakap dengan ipar duai	93
Jadual 4.17	: Ketika bercakap dengan kariah	95
Jadual 4.18	: Ketika bercakap dengan ketua kampung	96
Jadual 4.19	: Ketika bercakap dengan orang kampung	97
Jadual 4.20	: Ketika bercakap dengan jiran	98

Jadual 4.21	: Ketika bercakap semasa kenduri	99
Jadual 4.22	: Ketika bercakap semasa kematian	100
Jadual 4.23	: Ketika bercakap semasa perayaan	101
Jadual 4.24	: Ketika membaca doa	102
Jadual 4.25	: Ketika majlis perkahwinan	103
Jadual 4.26	: Ketika upacara kematian	105
Jadual 4.27	: Ketika di tanah perkuburan	106
Jadual 4.28	: Ketika majlis keagamaan	108
Jadual 4.29	: Ketika di masjid atau surau	109
Jadual 4.30	: Ketika di mana-mana tempat keagamaan	110
Jadual 4.31	: Ketika bercakap di sekolah	112
Jadual 4.32	: Ketika bercakap dengan rakan jakun	113
Jadual 4.33	: Ketika bercakap dengan guru	114
Jadual 4.34	: Ketika bercakap semasa perbincangan	115
Jadual 4.35	: Ketika bercakap semasa persembahan	116
Jadual 4.36	: Ketika bercakap semasa perayaan sekolah	117
Jadual 4.37	: Ketika bercakap di dalam majlis rasmi sekolah	118
Jadual 4.38	: Ketika bercakap di tempat kerja	119
Jadual 4.39	: Ketika bercakap dengan rakan setugas	120
Jadual 4.40	: Ketika bercakap semasa mesyuarat	121
Jadual 4.41	: Ketika bercakap dengan pelanggan Jakun	123
Jadual 4.42	: Ketika bercakap mengenai jenis tanaman	124
Jadual 4.43	: Ketika bercakap mengenai alatan pertanian	125
Jadual 4.44	: Ketika bercakap mengenai proses penanaman	126

SENARAI SINGKATAN

JAKOA : Jabatan Kemajuan Orang Asli

ANALISIS ETNOGRAFI KOMUNIKASI, HUBUNGAN KEKERABATAN DAN DOMAIN PENGGUNAAN BAHASA JAKUN

ABSTRAK

Tesis ini membincangkan bahasa Jakun yang dituturkan oleh Orang Asli Jakun di dua buah perkampungan Orang Asli Jakun di Mukim Kahang, iaitu di Kampung Seri Kenangan dan Kampung Punjut. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan etnografi komunikasi bahasa Jakun; menentukan hubungan kekerabatan bahasa Jakun dengan bahasa Melayu; dan menganalisis penggunaan bahasa Jakun dalam domain penggunaan bahasa terpilih komuniti Jakun. Informan kajian ini ialah Orang Asli Jakun. Data etnografi komunikasi dipungut menerusi temu bual terhadap 20 orang informan. Data 200 kosa kata bahasa Jakun untuk analisis perbandingan dengan kosa kata bahasa Melayu dipungut menerusi temu bual terhadap 20 orang informan. Borang soal selidik yang melibatkan 60 orang informan Jakun pula digunakan untuk mendapatkan data penggunaan bahasa Jakun dalam lima buah domain terpilih. Deskripsi etnografi komunikasi bahasa Jakun dalam kajian ini menggunakan kerangka teori S.P.E.A.K.I.N.G. saranan Dell Hymes (1964). Kerangka teori S.P.E.A.K.I.N.G. ini digunakan untuk menghuraikan peristiwa komunikasi dan latar belakang Orang Asli Jakun. Hubungan kekerabatan bahasa Jakun dengan bahasa Melayu ditentukan melalui perbandingan leksikostatistik 200 kosa kata dasar kedua-dua bahasa. Hasilnya menunjukkan peratusan persamaan antara kedua-dua bahasa ini ialah 84 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa tingkat kekerabatan bahasa antara dua bahasa ini adalah pada tahap bahasa. Kajian ini juga membincangkan domain penggunaan bahasa Jakun. Analisis domain ini menggunakan idea lima jenis domain yang diperkenalkan oleh Fishman (1972), iaitu keluarga, agama, pendidikan,

persahabatan, dan pekerjaan. Analisis domain ini memperlihatkan peratus penggunaan bahasa Jakun yang masih tinggi dalam kalangan Orang Asli Jakun ialah dalam domain keluarga, persahabatan, dan pekerjaan. Domain yang memperlihatkan campur aduk antara penggunaan bahasa Jakun dengan bahasa kedua (bahasa Melayu, bahasa Arab atau bahasa Cina) ialah domain keagamaan. Domain pendidikan pula memperlihatkan penggunaan bahasa Jakun yang minimum oleh Orang Asli Jakun. Dapat dilihat bahawa analisis dalam kajian ini memaparkan tiga aspek penting yang dapat mendeskripsikan bahasa dan Orang Asli Jakun. Analisis terhadap bahasa Jakun yang sebegini dapat dijadikan petunjuk tahap kelestarian bahasa ini dan langkah tertentu dapat diambil untuk memelihara bahasa ini daripada pupus.

AN ANALYSIS OF THE ETHNOGRAPHY OF COMMUNICATION, KINSHIP RELATIONS AND DOMAIN OF LANGUAGE USE OF THE JAKUN LANGUAGE

ABSTRACT

This thesis discusses the Jakun language, spoken by the Aboriginal Jakun in two villages in the sub-district of Kahang, that is the Kampung Seri Kenangan and Kampung Punjut. The main objectives of this thesis were to explain the ethnography of communication of the Jakun language, to determine the relationship between the Jakun language and the Malay language and to analyze the usage of the Jakun language in chosen domains of the Jakun community. The informants of this study is the Aboriginal Jakun. The data of the ethnography of communication collected through an interviews with 20 informants. The 200 basic vocabulary of the Jakun language for the comparative analysis with basic vocabulary of the Malay language was collected via interviews with 20 informants. The survey involving 60 Jakun informants was used to gather data of usage of the Jakun language in five selected domains. Description of the ethnography of communication of the Jakun language in this study will employ the theoretical framework of S.P.E.A.K.I.N.G. introduced by Dell Hymes (1964). This framework of S.P.E.A.K.I.N.G. will be utilized to explain the communication event and background of the Aboriginal Jakun. The kinship relations between the Jakun language and the Malay language was determined by lexicostatistical comparison of 200 basic vocabulary of both languages. The outcome shows that the percentage of similarities between the two languages is 84 percent. This result indicates that level of kinship relations between these two languages is at the language level. This thesis also examined the domain of usage of the Jakun language. Analysis of domains is go along with the idea of five different domains, i.e.

family, religion, education, friendship, and occupation domains introduced by Fishman (1972). The analysis of domains reveals that the percentage of usage of the Jakun language is still high in the family, friendship, and occupation domains. The domain that shows mixture of usage of the Jakun language and second language (the Malay, the Arabic, or the Chinese languages) is the religion domain. The education domain displays the least used of the Jakun language by the aboriginal Jakun. The overall analysis of this thesis discloses description of three important aspects of language and people of the aboriginal Jakun. Analysis of the Jakun language intrinsically can be used as an indicator of sustainability level of this language and certain action can be implemented to preserve this language from extinct.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian yang dilakukan ini melibatkan bahasa Jakun yang dituturkan oleh Orang Asli Jakun. Namun begitu, sebelum mengulas dengan lebih lanjut tentang Orang Asli Jakun ini, kita perlu melihat definisi Orang Asli yang terdapat dalam Akta Orang Asli 134 (1954) (*JAKOA*, 2014) seperti yang berikut:

Akta Orang Asli 134, 1954 menyatakan bahawa Orang Asli ialah mana-mana orang yang bapanya ialah daripada kumpulan etnik Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup, adat, dan kepercayaan Orang Asli. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan ialah ahli dari suatu masyarakat Orang Asli atau; anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada satu kaum lain, dengan syarat anak itu lazim bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli. Mana-mana Orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli oleh kerana dia telah memeluk mana-mana agama atau oleh kerana apa-apa sebab lain, tetapi dia masih mengikut cara hidup Orang Asli dan adat Orang Asli atau bercakap bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi Orang Asli semata-mata oleh sebab dia mengamalkan agama itu. Apa-apa soalan sama ada mana-mana orang adalah Orang Asli atau bukan Orang Asli hendaklah diputuskan oleh Menteri.

Berdasarkan Akta Orang Asli di atas, dapat kita lihat secara umum definisi Orang Asli. Namun begitu, seperti yang diketahui umum, Orang Asli di Malaysia bukan terdiri daripada satu suku kaum sahaja, sebaliknya terdapat pelbagai suku seperti

Orang Asli Negrito, Senoi, Jakun dan sebagainya. Setiap suku tersebut mempunyai bahasa mereka yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Kajian ini berfokus kepada komuniti Orang Asli Jakun. Orang Asli Jakun dipercayai berasal dari Yunan, Selatan China dan telah berhijrah ke selatan, ke Semenanjung Tanah Melayu kira-kira 5000 tahun dahulu (JAKOA, 2014). Menurut Carey (1976: 223), perkataan 'Jakun' telah digunakan pada masa lalu dalam dua pengertian yang berbeza. Pertama, perkataan tersebut telah digunakan untuk merujuk kepada etnik Orang Asli dan yang kedua perkataan tersebut merujuk kepada sifat keterujaan yang janggal yang dimiliki oleh seseorang itu (Carey, 1976: 223). Menurut portal rasmi JAKOA (tanpa tarikh), bangsa Jakun (Orang Ulu), berasal daripada suku kaum Melayu Proto yang tinggal di selatan Semenanjung Malaysia. Mereka masih mengamalkan kepercayaan animisme dan kehidupan mereka dipengaruhi oleh alam sekitar seperti gunung, bukit, lembah, sungai, batu, gua dan sebagainya. Mereka percaya kampung mereka akan dilanda bencana sekiranya ada antara mereka yang melanggar pantang larang (JAKOA, tanpa tarikh).

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat beberapa permasalahan kajian yang dapat dikenal pasti dalam kajian ini. Antara permasalahan kajian yang menyebabkan perlunya kajian ini dilakukan ialah pendapat Carey (1976: 224) yang mengatakan bahawa orang Jakun pada hari ini berbahasa Melayu sahaja. Menurut beliau, pada tahun 1966 terdapat lebih kurang 300 patah perkataan dikumpulkan di sebuah perkampungan Jakun dan daripada jumlah itu hanya dua daripadanya berbeza daripada bahasa Melayu standard (Carey, 1976: 224). Oleh sebab itu, kajian ini perlu dijalankan bagi membuktikan kenyataan Carey

tersebut bahawa Orang Asli Jakun sudah tidak menggunakan bahasa Jakun ketika berkomunikasi atau bahasa Jakun sama dengan bahasa Melayu dari segi bentuk perkataan, makna dan sebagainya. Pembuktian boleh dijalankan melalui perbandingan kosa kata dasar bahasa Jakun dengan bahasa Melayu yang dilakukan dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini juga berfokus kepada etnografi komunikasi bahasa Jakun. Huraian komunikasi ini melibatkan latar belakang umum komuniti Jakun dan bahasa Jakun. Teori S.P.E.A.K.I.N.G. yang dikemukakan oleh Dell Hymes (1964) akan digunakan dalam menjelaskan etnografi komunikasi komuniti dan bahasa Jakun ini¹. Penjelasan tentang etnografi komunikasi ini sedikit sebanyak dapat merungkai latar belakang komuniti dan bahasa Jakun yang masih kurang diketahui umum. Hal ini disebabkan peristiwa komunikasi yang wujud dalam sesebuah bahasa berbeza antara satu sama lain disebabkan perbezaan situasi dan latar belakang sesebuah budaya. Kemungkinan bangsa Melayu, Cina, India, dan sebagainya masih kurang arif tentang etnografi komunikasi yang terdapat dalam komuniti dan bahasa Jakun ini.

Di samping itu, kajian terhadap domain penggunaan bahasa Jakun dalam kalangan penutur Jakun juga merupakan permasalahan kajian yang dapat dikenal pasti dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana dewasa ini kebanyakan remaja Jakun telah mendapat pendidikan formal di sekolah, perhubungan orang Jakun semakin rapat dengan orang Melayu (disebabkan kedudukan perkampungan Orang Asli di Mukim Kahang yang dekat dengan perkampungan orang Melayu), dan perkahwinan campur (biasanya berlaku antara Orang Asli Jakun dengan orang Cina). Kesemua hal tersebut

¹ Lihat bahagian 1.7.1 di dalam kajian ini untuk penerangan yang lebih lanjut tentang S.P.E.A.K.I.N.G.

akan menyebabkan penggunaan dan pemilihan bahasa Jakun dalam domain tertentu juga berubah, khususnya disebabkan pengaruh daripada bahasa lain tersebut.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) menjelaskan etnografi komunikasi bahasa Jakun;
- 2) menentukan hubungan kekerabatan bahasa Jakun dengan bahasa Melayu; dan
- 3) menganalisis penggunaan bahasa Jakun dalam domain penggunaan terpilih komuniti Jakun.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab tiga persoalan, iaitu:

- 1) Bagaimanakah bentuk etnografi komunikasi bahasa Jakun?
- 2) Apakah tahap hubungan kekerabatan antara bahasa Melayu dengan bahasa Jakun?
- 3) Bagaimanakah pemilihan bahasa Jakun dalam domain-domain tertentu komuniti Jakun? Adakah bahasa Jakun kekal atau semakin merosot penggunaannya dalam domain-domain tersebut?

1.4 BATASAN KAJIAN

Orang Asli Jakun majoritinya tinggal di negeri Johor dan Pahang. Kajian ini hanya berfokus kepada bahasa Jakun yang dituturkan oleh Orang Asli Jakun yang tinggal di dua buah perkampungan Orang Asli di Mukim Kahang, Johor.

Kajian ini dibataskan kepada etnografi komunikasi bahasa Jakun sahaja. Hal ini bermaksud, etnografi bahasa Melayu tidak akan dibincangkan.

Bagi menentukan hubungan kekerabatan antara bahasa Melayu dengan bahasa Jakun, kajian ini menggunakan kosa kata dasar kedua-dua bahasa ini. Kosa kata dasar yang digunakan dalam kajian ini ialah kosa kata terjemahan dalam bahasa Jakun dan bahasa Melayu yang berasaskan senarai 200 kosa kata dasar yang digunakan oleh Morris Swadesh (1972)². Kosa kata dasar inilah yang dibandingkan dalam kajian ini.

Kajian ini juga dilaksanakan di dua buah perkampungan Orang Asli sahaja, iaitu perkampungan Orang Asli Seri Kenangan dan perkampungan Orang Asli Kampung Punjut. Kedua-dua buah kampung ini terletak di Mukim Kahang di daerah Kluang, Johor. Justifikasi kajian ini membataskan kepada dua buah kampung ini sahaja kerana penduduk di kedua-dua buah kampung tersebut majoritinya merupakan Orang Asli Jakun. Menurut pegawai JAKOA Kluang, Puan Azlinda binti Jamian, statistik terbaru jumlah penduduk bagi kedua-dua kampung tersebut bagi tahun 2015 adalah seramai 325 orang. Daripada jumlah tersebut, 254 orang dari Kampung Punjut dan 71 orang dari Kampung Seri Kenangan yang kesemuanya merupakan Orang Asli Jakun.

² Senarai 200 kosa kata dasar ini boleh dirujuk di dalam Lehmann (1992: 180-181) dan Swadesh (1972: 283).

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini membolehkan pembaca atau pengkaji yang bukan penutur bahasa Jakun mengenali etnografi komunikasi bahasa Jakun. Di samping itu, kajian ini mampu membuktikan hubungan kekerabatan antara bahasa Melayu dengan bahasa Jakun dari aspek linguistik. Selain itu, kajian ini juga penting untuk menyimpan sedikit sebanyak data tentang bahasa Jakun, seperti kosa kata dasar bahasa Jakun. Hal ini disebabkan, anak muda Jakun kebanyakannya sudah mendapat pendidikan formal dan bekerja di bandar dan bahasa yang digunakan mereka ialah bahasa Melayu. Hal ini sangat membimbangkan kerana terdapat kemungkinan bahasa Jakun akan lenyap ditelan arus masa. Hal ini demikian kerana sesuatu bahasa itu mungkin pupus bukan disebabkan penuturnya pupus, tetapi disebabkan penuturnya sudah tidak menuturkan bahasa ibunda mereka lagi. Oleh itu, kajian ini sedikit sebanyak boleh mendokumenkan data bahasa Jakun untuk masa yang akan datang. Akhir sekali, kajian ini boleh dijadikan rujukan dan ditambah baik oleh pengkaji yang akan datang yang ingin membuat kajian tentang bahasa ini.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menerangkan latar belakang kawasan kajian dan kaedah kajian.

1.6.1 Kawasan Kajian

Kawasan kajian ini ialah dua buah perkampungan Orang Asli Jakun, iaitu Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan. Kedua-dua buah kampung ini terletak di Mukim

Kahang, iaitu salah satu mukim yang terdapat di daerah Kluang, Johor. Kedudukan kedua-dua buah kampung ini berhampiran jalan utama untuk ke daerah Mersing dari bandar Kluang. Jarak antara dua buah kampung ini lebih kurang tiga atau empat kilometer sahaja.

1.6.2 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Objektif pertama dan kedua kajian ini melibatkan kaedah kualitatif, manakala objektif ketiga pula melibatkan kaedah kuantitatif. Kaedah kajian dari sudut pengumpulan data dan analisis data diuraikan dalam bahagian berikut.

1.6.2.1 Pengumpulan data

Dalam kajian ini, terdapat dua kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan.

1.6.2.1.1 Kaedah Kepustakaan

Dalam kaedah kepustakaan pengkaji perlu melakukan pembacaan terhadap kajian lepas yang berkaitan dengan bahasa Jakun atau perbandingan antara bahasa Melayu dengan bahasa lain. Melalui kaedah ini juga, kaedah yang digunakan oleh tokoh bahasa dan linguistik yang lain semasa membuat perbandingan antara dua bahasa atau lebih dapat diketahui. Kaedah kepustakaan ini juga penting dilaksanakan supaya kajian yang dilakukan ini tidak sama dengan kajian yang terdahulu.

Selain itu, kaedah kepustakaan ini juga melibatkan sumber bacaan yang boleh diperoleh melalui internet atau laman sesawang. Dewasa ini, laman sesawang atau internet dianggap sebagai medium penyebaran dan penyampaian ilmu yang baharu. Jadi, tidak hairanlah sekiranya kajian ini turut menggunakan sumber ini sebagai salah satu medium untuk mendapatkan maklumat. Laman sesawang ini membolehkan seseorang mengakses kajian yang dilakukan oleh pengkaji di dalam dan di luar negara. Kemungkinan untuk mendapatkan salinan asal daripada pengkaji luar negara adalah sukar. Oleh itu, laman sesawang digunakan untuk mendapatkan kajian tentang perbandingan bahasa yang dilakukan oleh mereka, seperti dalam *Google Books* dan *Google Scholar*. Selain itu, laman sesawang ini juga membolehkan seseorang mengakses tesis, jurnal dan artikel secara dalam talian yang dimuat naik oleh universiti di dalam negara. Sebagai contoh laman sesawang seperti *UM Respiratory* (Universiti Malaya) dan *Gema Online* (Universiti Kebangsaan Malaysia) mempunyai banyak koleksi tesis, jurnal dan artikel yang berkaitan dengan bidang bahasa dan linguistik.

1.6.2.1.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan merupakan salah lagi cara yang digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data. Data daripada kajian lapangan ini merupakan data primer kerana kajian ini mengambil data tersebut daripada penutur bahasa Jakun itu sendiri. Disebabkan kajian ini melibatkan bidang etnografi dan linguistik, kajian ini membahagikan kajian lapangan ini kepada dua bahagian yang utama, iaitu data etnografi dan data linguistik.

Bagi mendapatkan data etnografi komunikasi bahasa Jakun, temu bual bebas dijalankan terhadap informan Orang Asli Jakun yang terpilih. Temu bual bebas yang dijalankan ini bertujuan untuk mendapatkan data latar belakang kebudayaan penutur bahasa Jakun. Selain itu, temu bual bebas ini juga bertujuan untuk melihat penggunaan bahasa dalam komuniti itu berdasarkan situasi, peserta, bentuk mesej, kandungan mesej dan peraturan semasa interaksi.

Data linguistik kajian ini pula ialah data untuk perbandingan kosa kata dasar. Oleh itu, bagi mendapatkan data linguistik ini, penggunaan kaedah temu bual secara terancang bersama dengan beberapa informan Orang Asli Jakun yang terpilih dilakukan dalam kajian ini. Data linguistik dalam kajian ini melibatkan dua perkara, iaitu data 200 kosa kata dasar bahasa Jakun dan data domain penggunaan bahasa Jakun.

Data kosa kata dasar bahasa Jakun diambil berdasarkan senarai 200 kosa kata dasar yang digunakan oleh Morris Swadesh (1972). Senarai 200 kosa kata dasar tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan informan yang terlibat diminta untuk menyatakan 200 kosa kata dasar tersebut dalam bahasa Jakun.

Bagi data domain penggunaan bahasa Jakun pula, data ini melibatkan penggunaan dan pemilihan bahasa Jakun dalam domain yang tertentu. Berdasarkan domain-domain tersebut, kajian ini menemu bual informan untuk bertanyakan perkataan yang digunakan oleh mereka dalam domain-domain tersebut. Hasil temu bual tersebut, data tentang penggunaan dan pemilihan bahasa Jakun oleh masyarakat Orang Asli Jakun

dalam domain-domain yang tertentu akan diperoleh. Selain itu, borang soal selidik juga diedarkan dan diisi oleh informan dalam usaha untuk memperoleh maklumat penggunaan dan pemilihan bahasa Jakun dalam kalangan masyarakat Jakun.

Semasa memungut data ini, perkara paling utama ialah informan. Hal ini disebabkan, tanpa informan, sudah pastilah data di lapangan tidak akan berjaya dikutip. Informan yang terlibat dalam proses pengumpulan data ini merupakan Orang Asli Jakun yang tinggal di dua buah perkampungan orang Asli, iaitu Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan di Mukim Kahang yang terletak di daerah Kluang, Johor. Justifikasi kajian ini memilih kedua-dua buah kampung tersebut sebagai kawasan kajian kerana berdasarkan data yang diperoleh daripada pegawai JAKOA Kluang, penduduk kedua-dua kampung tersebut kesemuanya merupakan Orang Asli Jakun.

Informan-informan yang dipilih untuk memperoleh kosa kata dasar menerusi temu bual terancang dalam kajian ini ialah 20 orang. Informan yang terlibat merupakan remaja lelaki dan remaja perempuan, orang dewasa lelaki dan orang dewasa perempuan, dan orang tua lelaki dan orang tua perempuan. Informan-informan tersebut mestilah memiliki kriteria yang berikut:

- Informan mesti penutur asli bahasa Jakun.
- Informan mesti menetap di kawasan bahasa Jakun itu dituturkan.
- Pendengaran dan suara informan mesti dalam keadaan baik tanpa ada sebarang masalah.

20 orang informan ini juga digunakan untuk memperoleh maklumat etnografi komunikasi menerusi temu bual tidak terancang. Maklumat etnografi juga

dirakamkan menerusi perbualan tidak terancang yang dirakamkan (dengan izin) dalam domain-domain tertentu sewaktu lawatan pengkaji ke kawasan kajian. Seramai 60 orang informan Jakun daripada tiga peringkat umur, remaja, dewasa dan tua dan jantannya lelaki dan perempuan akan dipilih secara rambang untuk mengisi borang soal selidik tentang domain penggunaan bahasa Jakun.

1.6.2.2 Analisis Data

Data yang diperoleh melalui temu bual bebas dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif menggunakan kerangka teoretis etnografi komunikasi. Kerangka teoretis etnografi komunikasi ini merupakan kerangka teori yang diperkenalkan oleh Hymes (1964) dan akan diterangkan dalam bahagian 1.7.1 kajian ini.

Bagi perbandingan kosa kata dasar pula, semua data yang diperoleh sama ada melalui rakaman atau catatan ditranskripsikan secara ejaan, fonemik dan fonetik (jika perlu). *International Phonetic Alphabet* (IPA) digunakan untuk transkripsi fonetik dalam kajian ini. Lambang IPA digunakan dan disesuaikan dengan data bahasa yang dikaji. Kosa kata dasar yang telah ditranskripsikan dibandingkan mengikut langkah-langkah yang dihuraikan dalam bahagian 1.7.2 kajian ini.

Data domain pula dianalisis mengikut kerangka teoretis dalam bahagian 1.7.3 kajian ini.

1.7 KERANGKA TEORETIS

Dalam kajian ini, terdapat tiga kerangka teoretis yang digunakan untuk menganalisis data yang dikutip di lapangan, iaitu kerangka teoretis etnografi komunikasi, leksikostatistik dan domain.

1.7.1 Kerangka Teoretis Etnografi Komunikasi

Kerangka teoretis etnografi komunikasi yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada Hymes (1964). Hymes (1964) telah memperkenalkan satu akronim yang dikenali sebagai S.P.E.A.K.I.N.G. S.P.E.A.K.I.N.G merupakan akronim yang merujuk kepada *Setting and scene, Participants, End, Act, Key, Instrumentalities, Norms* dan *Genre*. Apabila ditukarkan atau diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, akronim tersebut bermaksud latar dan peristiwa, peserta, matlamat, aksi, nada, saluran, norma dan genre. Kerangka teori yang dikemukakan oleh Hymes ini berfokus kepada cara untuk memahami makna berdasarkan analisis terhadap konteks, khususnya peristiwa komunikasi. Oleh itu, kajian ini menggunakan kerangka teori S.P.E.A.K.I.N.G yang dikemukakan oleh Hymes (1964) ini untuk menghuraikan pola komunikasi kebahasaan masyarakat Jakun.

1.7.2 Kerangka Teoretis Leksikostatistik

Kerangka teoretis leksikostatistik yang digunakan dalam kajian ini ialah senarai 200 kosa kata dasar yang dikemukakan oleh John A. Rea (1956) dan Morris Swadesh (1972). Senarai 200 kosa kata dasar tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Berikut (Jadual 1.0) merupakan senarai 200 kosa kata dasar bahasa Melayu yang telah diterjemahkan daripada senarai 200 kosa kata dasar bahasa Inggeris yang dikemukakan oleh Morris Swadesh (1972):

Jadual 1.0: Senarai 200 kosa kata dasar bahasa Melayu

1.	semua	51.	terapung	101.	sempit	151.	berdiri
2.	dan	52.	mengalir	102.	dekat	152.	bintang
3.	binatang	53.	bunga	103.	leher	153.	tongkat
4.	debu	54.	terbang	104.	baru	154.	batu
5.	pada	55.	kabus	105.	malam	155.	lurus
6.	belakang	56.	tapak kaki	106.	hidung	156.	hisap
7.	jahat	57.	empat	107.	tidak	157.	matahari
8.	kulit pokok	58.	beku	108.	tua	158.	bengkak
9.	kerana	59.	buah	109.	satu	159.	berenang
10.	perut	60.	beri	110.	lain	160.	ekor
11.	besar	61.	baik	111.	orang	161.	itu
12.	burung	62.	rumput	112.	main	162.	sana
13.	gigit	63.	hijau	113.	tarik	163.	mereka
14.	hitam	64.	berani	114.	tolak	164.	tebal
15.	darah	65.	rambut	115.	hujan	165.	kurus
16.	tiup	66.	tangan	116.	merah	166.	fikir
17.	tulang	67.	dia	117.	betul	167.	ini
18.	bernafas	68.	kepala	118.	kanan	168.	awak
19.	bakar	69.	dengar	119.	sungai	169.	tiga
20.	kanak-kanak	70.	jantung	120.	jalan	170.	buang
21.	awan	71.	berat	121.	akar	171.	ikat
22.	sejuk	72.	sini	122.	tali	172.	lidah
23.	datang	73.	pukul	123.	reput	173.	gigi
24.	kira	74.	genggam	124.	gosok	174.	pokok
25.	potong	75.	bagaimana	125.	garam	175.	pusing
26.	siang	76.	memburu	126.	pasir	176.	dua
27.	mati	77.	suami	127.	sebut	177.	muntah
28.	gali	78.	saya	128.	cakar	178.	berjalan
29.	kotor	79.	ais	129.	laut	179.	panas
30.	anjing	80.	jika	130.	lihat	180.	basuh
31.	minum	81.	dalam	131.	benih	181.	air
32.	kering	82.	bunuh	132.	jahit	182.	kami
33.	tumpul	83.	tahu	133.	tajam	183.	basah
34.	habuk	84.	tasik	134.	pendek	184.	apa
35.	telinga	85.	ketawa	135.	nyanyi	185.	bila
36.	tanah	86.	daun	136.	duduk	186.	di mana
37.	makan	87.	kiri	137.	kulit	187.	putih
38.	telur	88.	kaki	138.	langit	188.	siapa
39.	mata	89.	baring	139.	tidur	189.	lebar

40.	jatuh	90.	hidup	140.	kecil	190.	isteri
41.	jauh	91.	hati	141.	cium	191.	angin
42.	lemak	92.	panjang	142.	asap	192.	sayap
43.	bapa	93.	kutu	143.	lembut	193.	lap
44.	takut	94.	lelaki	144.	ular	194.	dengan
45.	bulu	95.	banyak	145.	salji	195.	wanita
46.	sikit	96.	daging	146.	banyak	196.	kayu
47.	berlawan	97.	ibu	147.	ludah	197.	cacing
48.	api	98.	gunung	148.	pisah	198.	awak
49.	ikan	99.	mulut	149.	picit	199.	tahun
50.	lima	100.	nama	150.	tikam	200.	kuning

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Lehman (1962: 108).

Pertama sekali, kosa kata dasar bahasa Jakun dikutip untuk tujuan perbandingan dengan kosa kata dasar bahasa Melayu. Disebabkan masih tiada data bertulis tentang kosa kata dasar bahasa Jakun ini, kajian ini menemu bual informan dan bertanya tentang kosa kata dasar bahasa Jakun berdasarkan senarai 200 kosa kata dasar yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Semasa pengumpulan kosa kata dasar bahasa Jakun ini, semua kata pinjaman, kata majmuk dan kata kosong (kata yang tiada padanan dengan bahasa Melayu) perlu ditolak. Selain itu, sekiranya terdapat kata terbitan, imbuhan yang terdapat dalam kata terbitan itu perlu dibuang kerana hanya kata dasar yang digunakan untuk tujuan perbandingan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu. Sekiranya terdapat kosa kata yang sama yang sudah dinyatakan sebelum ini, maka kosa kata dasar itu juga perlu disingkirkan.

Seterusnya, setelah proses penyaringan dilakukan, iaitu kosa kata dasar sahaja yang diambil, barulah ditetapkan jumlah kata yang boleh dibandingkan untuk menentukan jumlah kata yang berkognat. Bagi menentukan hubungan kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu, kajian ini perlu melihat jumlah kata berkognat bagi kedua-dua bahasa tersebut berdasarkan data yang diperolehi. Kata berkognat mestilah seratus peratus sama atau mirip dari segi bentuk dan makna. Selepas menentukan

kosa kata dasar yang berkognat antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu, barulah kaedah pengiraan dilakukan. Untuk mendapatkan jumlah peratus kata yang berkerabat antara dua bahasa yang dibandingkan, jumlah kosa kata berkognat dibahagikan dengan jumlah kata yang dibandingkan, iaitu jumlah kata selepas ditolak kata yang tidak diperlukan. Pengiraan tersebut menghasilkan peratus yang menentukan tingkat kekerabatan bahasa Melayu dengan bahasa Jakun, iaitu sama ada berada pada tingkat bahasa, keluarga bahasa, rumpun bahasa, dan sebagainya.

Akhir sekali, setelah mendapat peratus kata sekerabat berdasarkan pengiraan sebelum ini, barulah ditentukan hubungan kekerabatan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu. Penentuan hubungan kekerabatan ini berdasarkan jadual tingkat kekerabatan bahasa yang dicadangkan oleh Gudschinsky (1964) seperti yang berikut (lihat Jadual 1.1):

Jadual 1.1: Jadual tingkat kekerabatan bahasa

Tingkat kekerabatan	Abad pisah	Peratus kata berkognat
Bahasa	0-5 abad	100-81 kata
Keluarga bahasa	5-25 abad	81-36 kata
Rumpun bahasa	25-50 abad	36-12 kata
Mikrofilum	50-75 abad	12-4 kata
Mesofilum	75-100 abad	4-1 kata
Makrofilum	100 abad dan ke atas	Kurang daripada 1 kata

Sumber: Diubah suai daripada Gudshinsky, "The ABC's of Lexicostatistics (Glottochronology)" dalam Hymes (1964: 621).

1.7.3 Kerangka Teoretis Domain

Pendekatan ketiga yang digunakan dalam kajian ini lebih bersifat kuantitatif. Kajian ini menggunakan teori domain yang dikemukakan oleh Fishman (1972) untuk

menganalisis penggunaan bahasa Jakun. Mengikut Fishman (1972), terdapat lima jenis domain, iaitu keluarga, persahabatan, agama, pendidikan dan pekerjaan. Data soal selidik diedarkan kepada 60 orang informan secara rambang untuk memperoleh data penggunaan bahasa Jakun dalam komuniti yang dipilih. Data soal selidik daripada kelima-lima domain tersebut dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Kemasyarakatan (*Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*) dalam menganalisis domain penggunaan bahasa Jakun dalam kalangan masyarakat Jakun. *SPSS* merupakan sebuah perisian yang boleh digunakan bagi melakukan pelbagai analisis statistik dan pengurusan data dalam persekitaran bergrafik. Program *SPSS* ini mempunyai beberapa modul atau opsiyen yang mempunyai fungsi dan keupayaan yang tersendiri. Terdapat tiga modul yang dikenal pasti yang sering digunakan untuk tujuan penyelidikan pendidikan dan sains sosial seperti:

- a) *SPSS Base (base system)* yang merupakan asas dalam program ini. Sistem ini digunakan untuk tujuan membina, membuat suntingan, menyimpan fail data, melaksanakan prosedur statistik asas, membuat transformasi variabel, menghasilkan carta statistik bergrafik, dan seterusnya menyediakan laporan dalam format yang tertentu.
- b) *SPSS Regression* merupakan modul *SPSS* tambahan yang digunakan untuk melakukan beberapa analisis statistik lanjutan.
- c) *SPSS Tables* ialah modul *SPSS* tambahan. Modul ini digunakan untuk membina pelbagai laporan berbentuk jadual berkualiti tinggi yang sesuai untuk kegunaan

persembahan laporan, termasuk jadual yang kompleks dan pameran data berbilang respon (*multiple-response*).

Seterusnya, *SPSS* beroperasi berasaskan variabel dan kes. Variabel diletakkan sebagai lajur, manakala kes diletakkan sebagai baris. Setiap lajur dalam *SPSS* mewakili satu variabel yang berkaitan dengan data kajian, manakala setiap satu baris pula mewakili satu kes atau seorang responden yang terlibat dalam sesuatu kajian itu.

Variabel yang digunakan dalam kajian ini boleh diwakili oleh label tertentu mengikut perwakilannya. Pelabelan merupakan proses memberikan kod data mengikut label yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, penggunaan skala Likert dalam sesuatu soal selidik boleh dilabelkan seperti yang berikut:

Nilai	Label Nilai
1	sangat tidak setuju
2	tidak setuju
3	setuju
4	sangat setuju

Di samping itu, terdapat empat variabel yang digunakan dalam *SPSS* bagi memudahkan pengekodan data-data yang dikaji. Yang berikut ialah keempat-empat variabel tersebut:

a) Variabel Skala Minimal

Contoh Variabel = Penutur Asli Bahasa Jakun

1 = ya

2 = tidak

b) Variabel Kategorikal

Contoh:

1 = Bahasa Jakun

2 = Bahasa Melayu

3 = Bahasa Inggeris

c) Variabel Skala Ordinal

1 = sangat tidak setuju

2 = tidak setuju

3 = setuju

4 = sangat setuju

d) Variabel Skala Interval

Contoh:

K1 = lebih 60 tahun

K2 = 46-60 tahun

K3 = 31-45 tahun

K4 = 15- 30 tahun

K5 = bawah 15 tahun

Dalam kajian menggunakan *SPSS* ini, kajian ini menggunakan variabel tertentu dalam membuat perbandingan dan menentukan hubungan sesuatu variabel ini dan kaitannya dengan penggunaan bahasa Jakun dalam kalangan masyarakat Jakun. Yang berikut ialah variabel-variabel yang dimaksudkan:

- a) Hubungan antara jantina dengan penggunaan bahasa Jakun
- b) Hubungan antara umur dengan penggunaan bahasa Jakun
- c) Hubungan antara pengaruh bahasa Melayu dengan bahasa Jakun
- d) Hubungan antara rakan sebaya dengan penggunaan bahasa Jakun
- e) Hubungan antara sistem persekolahan dengan penggunaan bahasa Jakun
- f) Hubungan antara masa/ zaman dengan penggunaan bahasa Jakun
- g) Hubungan antara perkahwinan campur dengan penggunaan bahasa Jakun
- h) Hubungan antara bahasa yang sukar dengan penggunaan bahasa Jakun
- i) Hubungan antara sikap dengan penggunaan bahasa Jakun
- j) Hubungan antara tiada bahan bertulis bahasa Jakun dengan penggunaan bahasa Jakun

Hubungan antara variabel ini diharapkan dapat memberikan jawapan tentang pemilihan bahasa yang digunakan oleh masyarakat Jakun di dua buah perkampungan Orang Asli Jakun yang menjadi tumpuan pengkaji. Selain itu, kajian ini juga mendapat maklumat sampingan berkaitan kemerosotan penggunaan bahasa Jakun dalam kalangan masyarakat Jakun berdasarkan hubungan antara variabel-variabel tersebut.

Akhir sekali, kajian ini menggunakan Analisis Regresi dalam membuat anggaran tentang penggunaan bahasa Jakun dalam domain-domain yang tertentu. Data yang dikumpul diserasikan dengan model persamaan regresi yang ada seperti model linear, kuadratik, dan sebagainya. Hasil kajian menggunakan analisis regresi ini dilihat dapat menentukan domain penggunaan bahasa Jakun dengan lebih tepat.

1.8 TINJAUAN LITERATUR

Sebelum melakukan kajian ini, tinjauan literatur haruslah dilakukan terlebih dahulu bagi melihat dan meneroka kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan dalam kajian ini. Tinjauan literatur ini perlu dilakukan bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kajian yang lepas, di samping dapat meningkatkan kualiti kajian yang dilakukan ini. Kajian ini melakukan tinjauan literatur dengan melihat kajian-kajian lepas yang dilakukan terhadap bahasa Jakun, komuniti Jakun, atau komuniti peribumi yang lain. Oleh itu, terdapat beberapa kajian lepas yang telah dikenal pasti dalam kajian ini dan terdapat input-input yang berguna yang boleh digunakan dan menjadi rujukan dalam kajian ini.

Pertama sekali, kajian ini melakukan tinjauan literatur dengan melihat kajian yang dilakukan oleh Seow Ta Wee, et al. (tanpa tarikh) yang bertajuk “Kajian Awalan Terhadap Persekitaran Masyarakat Orang Asli Jakun di Kampung Peta”. Kampung Peta merupakan kawasan yang berada di antara laluan mukim Kahang ke Taman Negara Endau-Rompin. Kajian yang dilakukan oleh mereka berfokus kepada persekitaran masyarakat orang asli Jakun dan tidak berfokus kepada bahasa Jakun. Selain itu, kajian ini turut berfokuskan kepada pembangunan komuniti Jakun melalui Program Penempatan Tersusun (PPT) yang membabitkan Rancangan Pembangunan Bersepadu Orang Asli (RPBOA). Walaupun kajian tersebut tidak berfokuskan kepada bahasa Jakun, namun sedikit sebanyak mampu memberikan input yang berguna kerana boleh mengetahui serba-sedikit kehidupan komuniti Jakun yang boleh dimasukkan ke dalam etnografi komunikasi bahasa Jakun.

Selain itu, terdapat juga kajian tentang komuniti Jakun yang dilakukan oleh pengkaji luar negara, iaitu Paul Schebesta (1925). Beliau telah membuat kajian tentang komuniti Kubu dan Jakun dalam kajiannya yang bertajuk '*Kubu and Jakun as Proto Malays*'. Dalam kajian beliau itu, beliau ingin membuktikan bahawa komuniti Kubu di Sumatera merupakan orang yang sama dengan komuniti Jakun di Tanah Melayu. Beliau mengatakan bahawa komuniti Kubu berkongsi budaya yang sama dengan komuniti Jakun (1925: 1). Menurut beliau lagi, Orang Asli Jakun sama tempat asalnya dengan komuniti Kubu, iaitu di Pagar Ruyong, Sumatera (1925: 2). Dari aspek bahasa, kajian yang dilakukan oleh Paul Schebesta ini juga mempunyai maklumat tentang itu. Menurut Schebesta (1925: 2), bahasa ibunda Kubu dan Jakun ialah *Malayic*³. Walaupun kajian yang dilakukan oleh Paul Schebesta lebih kepada mengkaji persamaan budaya antara komuniti Kubu dengan Jakun, namun berdasarkan maklumat bahasa yang diperoleh daripada kajian tersebut, bahasa Jakun dikatakan berasal daripada bahasa Melayu. Oleh itu, amat wajarlah kajian ini dilakukan bagi membuktikan bahawa terdapat hubungan kekerabatan yang tinggi antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu.

Terdapat juga kajian yang dilakukan terhadap suku kaum Orang Asli Negrito yang dilakukan oleh Harishon Radzi, et al. (2012) yang bertajuk '*Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrito Menerusi Pengimbuhan dan Peminjaman Kata*'. Bahasa ibunda bagi Orang Asli Negrito merupakan bahasa Mendriq yang dituturkan di Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. Oleh sebab itu, Harishon Radzi, et al (2012) telah membuat kajian terhadap bahasa Mendriq dari aspek pengimbuhan dan

³ Terjemahan asal kata-kata Schebesta ialah '*The Mother Tongue of Kubu and Jakun is Malayic*'.

peminjaman kata. Dalam kajian tersebut, Orang Asli Negrito memerlukan banyak perkataan bahasa Melayu untuk kelangsungan berkomunikasi dan melestarikan kehidupan bersosial mereka (Harishon Radzi, et al., 2012: 885). Fokus kajian tersebut secara deskriptif meneliti bentuk-bentuk kata pinjaman yang wujud dalam bahasa Mendriq kerana keperluan kehidupan seperti pinjaman penuh dan peminjaman kata imbuhan pinjaman dengan kata asli bahasa Mendriq, serta pengimbuhan kata imbuhan pinjaman dengan kata pinjaman (Harishon Radzi, et al., 2012: 885). Kajian Harishon Radzi, et al. (2012) sedikit sebanyak sama dengan kajian ini kerana kajian tersebut berkaitan dengan bahasa Orang Asli dan hubungannya dari aspek pengimbuhan dan peminjaman kata dengan bahasa Melayu.

Jika tinjauan literatur sebelum ini memperlihatkan kajian tentang aspek pengimbuhan dan peminjaman kata bahasa Mendriq, tinjauan literatur yang dilakukan ini juga berkaitan dengan bahasa Mendriq yang dituturkan oleh Orang Asli Negrito. Namun begitu, kajian yang dilakukan oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Mohd Romzi Ramli (2013) ini pula berfokuskan kepada aspek kata ganti nama yang terdapat di dalam bahasa Mendriq. Menurut Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Mohd Romzi Ramli (2013: 67), analisis deskriptif ganti nama mendapati bahawa ganti nama bahasa Mendriq mempunyai dua sifat. Sifat pertama ialah ada ganti nama yang mempunyai ketiga-tiga fungsi iaitu subjek, objek dan pemilik, atau sekurang-kurangnya dua daripada fungsi yang telah disebut (Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Mohd Romzi Ramli, 2013: 67). Sifat kedua ialah ada ganti nama yang hanya mempunyai satu fungsi sahaja, iaitu sebagai subjek atau objek, atau pemilik sahaja (Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Mohd Romzi Ramli, 2013: 67). Walaupun kajian terhadap bahasa Jakun ini tidak berfokuskan kepada kata ganti nama, namun

semasa perbandingan antara bahasa Jakun dengan bahasa Melayu dilakukan, terdapat beberapa kata ganti nama yang digunakan dalam perbandingan tersebut.

Kajian ini berkaitan dengan etnografi bahasa Jakun dan perbandingannya dengan bahasa Melayu. Berdasarkan pembacaan yang dilakukan, terdapat satu kajian yang mirip dengan kajian ini, iaitu kajian yang dilakukan oleh Hasnida Chekha (2008). Hasnida Chekha (2008) telah membuat kajian tentang bahasa Urak Lawoi di Thailand dari aspek etnografi dan hubungan kebahasaannya dengan bahasa Melayu⁴. Terdapat tiga aspek utama yang terdapat dalam kajian beliau, iaitu etnografi bahasa Urak Lawoi, hubungan kekerabatan antara bahasa Urak Lawoi dengan bahasa Melayu, dan kata ganti nama diri bahasa Urak Lawoi. Kajian yang beliau lakukan itu sama dengan kajian ini dari sudut etnografi dan hubungan kekerabatan dengan bahasa Melayu, namun berbeza dari sudut bahasa yang dikaji dan kata ganti nama diri. Kajian ini tidak berfokus kepada kata ganti nama diri, sebaliknya berfokus kepada domain pemilihan bahasa oleh komuniti Jakun. Di samping itu, walaupun kajian yang dilakukan oleh Hasnida Chekha (2008) tidak berfokuskan bahasa Jakun dan analisis domain, namun terdapat beberapa kaedah seperti kaedah analisis etnografi Urak Lawoi dan hubungan kekerabatan bahasa Urak Lawoi dengan bahasa Melayu yang dapat dijadikan pedoman dalam mengkaji bahasa Jakun dari sudut tersebut.

Antara kajian lepas yang telah dikenal pasti dalam kajian ini ialah *Pengelompokan Leksikostatistik Bahasa-bahasa Bumiputera Sarawak* yang telah dilakukan oleh Noriah Mohamed dengan kerjasama Rohani Mohd. Yusof⁵. Melalui kajian tersebut, antara input menarik yang dapat dikenal pasti ialah kaedah kajian yang digunakan

⁴ Kajian tersebut bertajuk *Bahasa Urak Lawoi di Thailand: Analisis Etnografi dan Hubungan Kebahasaannya dengan Bahasa Melayu*.

⁵ Kajian yang dilakukan oleh Noriah Mohamed dengan kerjasama Rohani Mohd. Yusof ini merupakan hasil daripada *Laporan Hasil Penyelidikan Geran Penyelidikan Fundamental Universiti Sains Malaysia 2002-2004*. Laporan penyelidikan ini telah siap pada September 2004.

oleh mereka berdua. Mereka telah menggunakan leksikostatistik sebagai kaedah perbandingan leksikal dalam pengelompokan bahasa. Kaedah kuantitatif, yang dikenali juga sebagai kaedah leksikostatistik ialah kaedah yang digunakan untuk menentukan peratus kata bersanak dengan cara menghitung jumlah kosa kata berkognat (Noriah Mohamed dan Rohani Yusof, 2004: 36). Kaedah ini sering diselitkan dengan satu lagi kaedah yang dikenali sebagai glotokronologi yang menggunakan formula tertentu untuk menghitung usia bahasa bersanak (dalam ribuan tahun) dan menentukan waktu berlakunya perpisahan bahasa-bahasa turunan daripada bahasa induk (Noriah Mohamed dan Rohani Mohd. Yusof, 2004: 36). Hal ini sangat menarik perhatian kerana kaedah ini boleh digunakan dalam kajian ini bagi menentukan waktu berlakunya perpisahan antara bahasa Melayu dengan bahasa Jakun. Ini disebabkan, bahasa Melayu dan bahasa Jakun merupakan bahasa yang berasal daripada rumpun bahasa yang sama, iaitu bahasa Austronesia. Kaedah leksikostatistik ini menggunakan jenis kosa kata yang disebut kosa kata dasar (*basic vocabulary*) sebagai asas menghitung (Noriah Mohamed dan Rohani Mohd. Yusof, 2004). Oleh hal yang demikian, kaedah leksikostatistik ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana kajian ini juga membandingkan bahasa Melayu dengan bahasa Jakun berdasarkan kosa kata dasar yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut.

Selain itu, terdapat juga kajian lepas yang membuat perbandingan antara dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dengan bahasa Banjar di daerah Kerian, Perak. Namun begitu, kajian tersebut berfokuskan kepada penggunaan dan hubungan kekeluargaan antara bahasa Banjar di daerah Kerian, Perak dengan bahasa Melayu standard⁶. Walaupun kajian tersebut mengkaji penggunaan dan hubungan kekeluargaan antara dua bahasa

⁶ Kajian tersebut bertajuk *Bahasa Banjar di Daerah Kerian, Perak: Penggunaan dan Hubungan Kekeluargaannya dengan Bahasa Melayu Standard*.